



40 TAHUN PEMERINTAHAN SULTAN PAHANG

UMP teroka idea lebih kreatif, inovatif

» **Universiti tekad bantu tingkat kualiti kehidupan rakyat**

Oleh Syazwan Msar
bhnews@bh.com.my

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus aktif dalam meneroka idea baharu yang lebih kreatif dan inovatif dengan memberi peluang seluasnya kepada penyelidikannya untuk memanfaatkan ilmu teknologi, sekali gus menyumbang peningkatan kualiti dalam kehidupan rakyat di negeri ini.

Suntikan semangat untuk warganya terus berkarya dengan kreatif dan inovatif pastinya mampu menghasilkan kecemerlangan yang terbilang berpaksikan budaya penyelidikan unggul dan berkualiti tinggi.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, pengukiran kedudukan dan penarafan universiti pada masa kini meletakkan pembeda (weightage) yang tinggi kepada aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"UMP mengiktiraf sumbangan pencapaian cemerlang warganya dalam aktiviti penyelidikan, pengkomersialan, penerbitan, kreativiti dan inovasi serta dalam pengajaran dan pembelajaran," katanya yang berbangga dengan kejayaan penyelidik memperoleh sebanyak 259 projek penyelidikan pada tahun lalu.

Penerbitan ilmiah

Dari sudut penerbitan ilmiah pula, Daing Nasir berkata, UMP konsisten memberi tumpuan terhadap kualiti berbanding dengan kuantiti dengan menghasilkan 340 penerbitan ilmiah yang merangkumi karya asli, monograf, artikel jurnal, kertas persida-



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian perantaraan antara Daing dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Datuk Jebasingam Issac John dalam menjadikan Pahang Pusat Kecemerlangan (COE) Bio-aromatik.

ngan, bab di dalam buku (Chapter of book) dan rencana ilmiah.

Katanya, UMP mampu menghasilkan kualiti penerbitan beraraf dunia apabila International Journal of Automotive and Mechanical Engineering (IJAME) turut diindeks pangkalan data terkenal dunia iaitu SCOPUS dan Elsevier Bibliographic Database (EBD) dalam tempoh yang singkat.

Beliau berkata, lebih mengujakan apabila SCOPUS, satu pangkalan data merekodkan bahawa dalam bidang kajian *dye-sensitized solar cell* dan *electrospinning*, UMP berada di kedudukan pertama di Malaysia daripada aspek jumlah 'citations' yang diperoleh daripada penerbitan artikel jurnalnya, sekali gus mengatasi - universiti penyelidikan yang lain.

"Menyedari keperluan untuk memelihara kepentingan UMP ke atas produk penyelidikan yang dihasilkan, UMP mengambil langkah melindungi harta intelektualnya.

"Sehingga tahun 2013 sebanyak 196 permohonan paten telah difailkan di dalam negara dan sepuluh paten difailkan di luar negara," katanya.

Dapat geran dari Amerika

Daing Nasir berkata, daripada jumlah itu sebanyak sembilan paten telah mendapat geran atau patent granted dan dua darinya adalah paten granted dari Amerika Syarikat.

Penyelidikan UMP turut mendapat pengiktirafan dalam dan luar negara apabila pada tahun ini sebanyak 36 pingat emas, 25 pingat perak dan 12 pingat gangsa serta tujuh anugerah khas diraih penyelidik.

Menyedari sumbangan signifikan pengkomersialan penyelidikan dalam mengisi sasaran yang telah ditetapkan dalam Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) kedua dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015, Kelestarian Kewangan, UMP, katanya, turut mewujudkan UMP Industrial Technology Engineering Creativity Space (ITECS) bagi mengkomersialkan produk-produk peneli-

dikannya melalui pembangunan pusat-pusat inkubator yang menawarkan peluang kerjasama dengan industri.

"Selaras dengan aspirasi UMP untuk terus kekal relevan kepada kawasan sekitarnya, terutama terhadap industri petrokimia, UMP membangunkan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARIFF) yang menjadikan universiti itu lebih dekat dengan industri sumber asli di Pantai Timur.

"Pembangunan makmal CARIFF akan memberikan impak kepada pertumbuhan ekonomi serta perancangan kerajaan di bawah pelan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)," katanya.

Bantu produk R&D berpotensi

Selain itu, beliau berkata, UMP juga giat mengemulung tenaga dalam membantu produk R&D yang berpotensi untuk dikomersialkan antaranya penghasilan tiga *pilot plant* yang beroperasi di UMP Kampus Gambang untuk projek Penghasilan Keratin Daripada Bulu Ayam, Penghasilan Gula Daripada Serbuk Kayu dan Penghasilan Cecair Pencuci Untuk Mesin Dialisis.

UMP terus melangkah ke hadapan lagi dengan hasrat menjadikan Pahang sebagai Pusat Bio-aromatik dengan pembangunan Pahang Bio-aromatic Park secara kerjasama dengan ECERDC dan BioTech Corp.

Antara inisiatif yang digerakkan ialah membangunkan poten-

si komersial pati minyak dari tumbuhan herba yang dipanggil Nilam. Penubuhan Pusat Kecemerlangan (COE) Bio-aromatik di UMP pada tahun ini, sekali gus bakal menarik pelaburan daripada tiga syarikat antarabangsa Switzerland dan dua daripadanya akan memeterai memorandum persefahaman bersama UMP tidak lama lagi.

Nilai tambah kecemerlangan

"Ini untuk menjadikan UMP sebagai universiti teknologi pilihan utama menjelang tahun 2015, maka, perhatian istimewa akan terus diberi berhubung aktiviti yang memberi nilai tambah kepada kecemerlangan penyelidikan berteraskan kreativiti dan inovasi.

"UMP juga komited membangunkan sumber kapital manusia dan teknologi bagi memenuhi keperluan industri yang menyumbang kepada pembangunan negara serta melahirkan ramai pakar seterusnya mampu meningkatkan taraf hidup masyarakat, mencambah pertumbuhan ekonomi dan memberi manfaat besar kepada masyarakat tempatan.

"Bertepatan dalam usaha kerajaan mempertingkatkan lagi pembangunan termasuk industri minyak, gas dan petrokimia di kawasan ECER, usaha UMP ini dilihat mampu merealisasikan hasrat kerajaan dalam memperbanyakkan bilangan jurutera dan ahli teknologis di negara ini," katanya.



Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam, Abdul Syukur Abd Razak bersama Anugerah Cendekia Bitara bagi kategori tokoh dan paten pada Majlis Anugerah Cendekia Bitara 2013 UMP.